



مجلس قريبندارن كلنڠ  
**MAJLIS PERBANDARAN KLANG**  
JALAN PERBANDARAN, 41675 KLANG,  
SELANGOR DARUL EHSAN.

TEL: 33716044 , 33716141 FAX 33720344

**PERMOHONAN MENGGUNAKAN DEWAN HAMZAH/  
DEWAN SERBAGUNA MAJLIS PERBANDARAN KLANG**

Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Klang.

**A. BUTIR-BUTIR PEMOHON**

1. Nama Pemohon:.....
2. Nama Pegawai Bertanggungjawab: .....  
(Pertubuhan)
3. No. Kad Pengenalan: .....
4. Alamat Rumah: .....  
.....
5. Alamat Pejabat: .....  
.....
6. No. Telefon (Rumah):.....(Pej):.....

**B. BUTIR-BUTIR PEMOHON**

7. Dewan Yang Hendak Digunakan: .....
8. Tujuan Kegunaan: .....
9. Tarikh Kegunaan:.....
10. Masa Yg Hendak Digunakan.....Jam  
(Pukul.....Hingga.....)
11. Menggunakan Hawa Dingin (Ya/Tidak)
12. Menggunakan Kerusi (Bil. Diperlukan.....) (Ya/Tidak)
13. Menggunakan Alat Pembesar Suara (Ya/Tidak)

Saya bersetuju mematuhi segala syarat yang dikenakan berhubung dengan penyewaan dewan tersebut dan akan menjelaskan bayaran cengkeram dan penyewaan terlebih dahulu.

Majlis berhak membatalkan permohonan dalam tempoh 24 jam. Saya bersetuju bahawa wang cagaran tidak akan dikembalikan sekiranya saya melanggar peraturan-peraturan penyewaan.

Tarikh: .....

.....  
Tandatangan Pemohon  
(Cop Pertubuhan/Syarikat)

.....  
**PENGESAHAN PENJAMIN**

Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Klang.

Saya sebagai penjamin mengaku dan berjanji akan membayar apa-apa tuntutan pembayaran yang dikenakan sekiranya penyewa engkar dengan syarat yang dikenakan atau di atas kerosakan/kehilangan alat-alat di dalam dewan tersebut.

Nama Penjamin:.....

Tandatangan:.....

No. Kad Pengenalan:.....

Alamat:.....  
.....  
.....

Tarikh:.....  
.....

**KEGUNAAN PEJABAT**

No. Resit Cagaran/Bayaran :.....

Bayaran/Tarikh Bayaran:.....

No. Resit Bayaran Sepenuhnya.....

Bayaran/Tarikh Bayaran.....

.....  
Tandatangan Pegawai



**مجلس قريبندارن كلنڱ**  
**MAJLIS PERBANDARAN KLANG**  
JALAN PERBANDARAN, 41675 KLANG,  
SELANGOR DARUL EHSAN.

TEL: 33716044 , 33716141 FAX 33720344

**PERATURAN DAN SYARAT UNTUK MENYEWAWA DEWAN HAMZAH/  
DEWAN SERBAGUNA MAJLIS PERBANDARAN KLANG**

**PERMOHONAN:**

1. Yang Dipertua atau Wakilnya berhak menolak mana-mana permohonan yang bercanggah dengan peraturan Majlis.
2. Bagi Pertunjukan Pentas/pertunjukan, senarai Jawatankuasa dan kategori aktiviti hendaklah mendapat kebenaran Jabatan Kesihatan, Majlis Perbandaran Klang dan Pihakberkuasa berkaitan.

**BAYARAN:**

Bayaran cagaran sebanyak separuh dari sewaan bagi satu masa penyewaan dan cagaran penggunaan kerusi hendaklah disertakan dengan borang permohonan.

- i. Sekiranya tempahan dibatalkan sebelum tempoh 7 hari atau lebih dari tarikh penggunaan, maka wang cagaran akan dikembalikan semula.
- ii. Sekiranya tempahan dibatalkan dalam tempoh kurang 7 hari atau lebih dari 3 hari dari tarikh penggunaan, maka wang cagaran akan dikembalikan separuh sahaja.
- iii. Sekiranya tempahan dibatalkan dalam tempoh 3 hari dari tarikh penggunaan, maka wang cagaran tidak akan dikembalikan.
- iv. Jika tempahan dibatalkan oleh Yang Dipertua atau Wakilnya, wang cagaran akan dikembalikan sepenuhnya tanpa bayaran gantirugi. Pemohon hendaklah mengemukakan resit asal.
- v. Sebarang penundaan atau penangguhan tarikh penggunaan Dewan yang telah ditempah juga adalah tertakluk kepada peraturan diatas.

**SEWAAN:**

- i. Pemohon hendaklah menjelaskan semua bayaran sewaan yang dikenakan tidak lewat dari jam 12.00 tengahari tiga hari sebelum tarikh penggunaan (jika ianya jatuh pada hari Ahad, bayaran hendaklah dijelaskan sebelum pukul 11.00 pagi hari Sabtu). Sekiranya bayaran tidak dijelaskan Yang Dipertua atau Wakilnya berhak membatalkan sewaan dan melucutkan cagaran yang telah dibayar.
- ii. Bayaran dari orang persaoangan, Pertubuhan dan Swasta hendaklah dibuat dalam bentuk tunai atau bankdraf. Jabatan Kerajaan/Badan Berkanun hendaklah dibayar dengan cek berpaling Akaun Penerima atas Nama Majlis Perbandaran Klang
- iii. Bayaran cagaran Keselamatan sebanyak RM100/= akan dikenakan.

## **SYARAT-SYARAT:**

1. Jamuan makan boleh diadakan di dalam atau di luar dewan tetapi minuman keras, merokok dan makanan haram tidak dibenarkan samasekali sebagai menghormati budaya dan pantang larang masyarakat majmuk.
2. Pengguna hendaklah mengosongkan dewan termasuk orang-orang, perkakas dsb. tidak lewat dari 30 minit selepas tamat masa sewaan, jika tidak bayaran **SEWAAN BERGANDA** bagi satu jm atau sebahagian daripadanya dari tamat masa sewaan akan dikenakan.
3. Pengguna hendaklah menjaga kebersihan/hartabenda dan membersihkan dewan/sekitarnya selepas penggunaan.
4. Pengguna tidak dibenarkan memasak di dalam atau di luar dewan yang ada kaitan (1) diatas.
5. Pengguna tidak dibenarkan menjalankan apa jua bentuk perniagaan atau promo di sekitar kawasan Dewan kecuali telah mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua atau Wakilnya.
6. Majlis Tidak akan bertanggungjawab di atas risiko kegagalan kuasa elektrik dan perkara-perkara luar jangkaan.
7. Pengguna adalah dilarang mempamer gambar, kain rentang atau iklan di luar atau di sekitaran kawasan dewan. Kebenaran bertulis hendaklah diperolehi daripada Yang Dipertua atau wakilnya.
8. Yang Dipertua atau Wakilnya berhak membatalkan tempahan dengan sertamerta sekiranya ada fungsi/ucapan rasmi anjuran Kerajaan/Majlis dan kepentingan awam yang mengejut. Segala bayaran yang telah dibuat akan dikembalikan sepenuhnya tanpa sebarang faedah atau gantirugi.
9. Segala kerosakan keatas harta Majlis semasa penggunaan akan ditanggung oleh pengguna. Pengguna akan diminta membayar gantirugi.
10. Pengguna adalah bertanggungjawab diatas keselamatan orangramai. Majlis tida akan bertanggungjawab atas kecederaan/kemalangan yang menimpa keatas mereka yang hadir.
11. Majlis tidak membenarkan majlis tari-menari dan aktiviti yang tidak sihat diadakan dimana-mana dewan.
12. Pengguna hendaklah mengatur sendiri urusan kawalan keselamatan dengan pihak Polis jika ianya mengadakan pertunjukan pentas/mesyuarat dsb. Sesalinan permit polis hendaklah dimajukan kepada Majlis.
13. Pengguna hendaklah mengemukakan resit tempahan apabila diminta oleh Pegawai atau Petugas Majlis.

Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Klang.